

## LIMA BENTUK INOVASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK TAFSIR MAUDU'I DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, USIM

### FIVE TYPES OF INNOVATION IN TEACHING AND LEARNING THEMATIC EXEGESIS SUBJECT IN THE FACULTY OF QURANIC AND SUNNAH STUDIES, USIM

Norulliszka Khosim<sup>i</sup>, Hayati Hussin<sup>ii</sup> & Abdulloh Salaeh<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai.

[norulliszakhosim@usim.edu.my](mailto:norulliszakhosim@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai. [hayati.hussin@usim.edu.my](mailto:hayati.hussin@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai. [abdulloh@usim.edu.my](mailto:abdulloh@usim.edu.my)

#### Article Progress

Received: 30 Oktober 2018

Revised: 25 December 2018

Accepted: 26 December 2018

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Melalui kepelbagaian dalam teknologi pada masa kini, inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran telah disesuaikan dengan subjek Tafsir Maudu'i di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi termasuk pendekatan pedagogi baharu seperti penggunaan bahasa, perubahan gaya pengajaran, perkembangan teknologi dan sebagainya. Artikel ini akan mengkaji pendekatan tematik (Tafsir Maudu'i) dengan menonjolkan tema tertentu yang ditangani oleh al-Quran dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS). Kedua, artikel ini akan meneroka inovasi-inovasi yang telah diperkenalkan dan digunakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran subjek tersebut di kalangan pelajar penghususan Quran dan Sunnah (QS) dan Quran dengan Multimedia (QM) di FPQS, USIM. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pemerhatian dan dokumentasi. Hasil kajian</p>	<p>Through diversity in technology nowadays, innovation in teaching and learning has been adapted to the subject of Thematic Exegesis among students in higher learning institutions including new pedagogy approaches such as language use, teaching style changes, technological developments and so on. This article will study the thematic approach by highlighting the particular theme handled by the Qur'an in teaching and learning Thematic Exegesis subject in the Faculty of Quran and Sunnah Studies (FPQS). Secondly, this study will explore the innovations that have been introduced and applied throughout the teaching and learning process of the subject among students of Quran and Sunnah Studies (QS) and Quran with Multimedia (QM) at the FPQS, USIM. This article uses qualitative methods through observation and documentation. The study found that: (a) there are five types of innovation in the teaching and learning of thematic exegesis subject among</p>

<p>mendapati bahwa: (a) terdapat lima jenis inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran subek Tafsir Maudu'i di kalangan pelajar; lakonan, wayang kulit atau animasi, multimedia, muzik dan lirik lagu, dan choral speaking, (b) pelajar menunjukkan peningkatan dalam pendekatan baru dalam pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i khususnya dalam komunikasi dan teknologi.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Inovasi, Pengajaran dan Pembelajaran, Tafsir Maudu'i, FPQS, USIM.</p>	<p>students; acting, wayang kulit (shadow puppets) or animation, multimedia presentations, music and lyric, and, choral speaking, (b) students have shown an improvement in innovative approaches in learning the subject of thematic exegesis especially in communication and technology.</p> <p><b>Keyword(s):</b> Innovation, Teaching and Learning, Thematic Exegesis, FPQS, USIM.</p>
---	--

## PENDAHULUAN

Inovasi atau tajdid di dalam bahasa Arab merupakan satu kepentingan dan keperluan kerana sunnah kehidupan amat memerlukannya (Majali, 2014). Keperluan kepada inovasi adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan dan menjadi perkara penting bagi pembangunan abad ke-21. Inovasi menyumbang dalam pelbagai aspek termasuk pengetahuan dan pendidikan yang dikenali sebagai faktor penting untuk negara yang lebih kompetitif dan dinamik.

Inovasi dalam pengetahuan dan pendidikan perlu diberi penekanan supaya manusia dapat bertindak dengan berkesan untuk mengubah kehidupan, dan juga harus memberi tumpuan kepada jenis pengetahuan yang diperlukan oleh umat Islam pada masa kini begitu juga perubahan metodologi pengajaran dan pembelajaran. Sebagai tindak balas kepada perkembangan ini, USIM muncul dengan pengintegrasian ilmu naqli dan aqli, yang akan menjadi platform utama untuk mendidik generasi yang unggul dan masyarakat yang berpengetahuan.

Perkara ini dalam dilihat dalam program akademik pengajian Islam yang ditawarkan di FPQS, USIM, yang mana dua pengkhususan yang ditawarkan di peringkat fakulti menggandingkan pengajian Islam dengan multimedia dan pengurusan maklumat dalam memacu pendidikan dengan corak pengintegrasian ilmu naqli dan aqli. Di antara pengintegrasian yang dijalankan adalah di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i. Perkara ini perlu dilakukan kerana inovasi dalam pengajaran tafsir adalah sesuatu yang dituntut dan tujuan pengintegrasian naqli dan aqli adalah agar dapat menyerlahkan hidayah dan inti pati sebenar al-Quran. (Robiatul Adawiyah, Norullisza & Abdulloh, 2015).

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk pemerhatian dan dokumentasi. Buku-buku dan artikel-artikel yang berkaitan digunakan untuk perbincangan. Manakala, kaedah untuk menganalisis data adalah dengan menggunakan pendekatan induktif dan deduktif bagi mencapai objektif yang ditetapkan.


## DAPATAN KAJIAN

### Pengajaran dan Pembelajaran Tafsir Maudu'i Di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

FPQS merupakan sebuah fakulti yang pertama ditubuhkan oleh USIM pada tahun 2001. Di antara tujuan penubuhannya ialah untuk memastabatkan pengajian Quran dan Sunnah dalam arus perdana pendidikan negara dengan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya.

Di samping itu, ia turut bertujuan untuk mengembangkan lagi Syiar Islam dengan membuka ruang kepada para penyelidik dan pendidik untuk mengkaji, menyelidik dan menyebarkan pengetahuan dan hikmah yang terkandung di dalam kitab suci Quran dan Sunnah kepada masyarakat dan negara. Dalam usaha memastikan matlamat tersebut terlaksana, FPQS telah menukuhkan tiga program pengajian:

- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian (SMPQS)
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia Dengan Kepujian (SMPQM)
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat Dengan Kepujian (SMPSM)



Selain program-program prasiswazah, FPQS turut menawarkan Ijazah Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah dan Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah.

Dalam merealisasikan visi, misi, dan objektif fakulti, pemilihan subjek-subjek yang bersesuaian telah ditetapkan untuk setiap pengkhususan dan di antara subjek wajib yang dipelajari ialah Tafsir Maudu'i. Pengajian bagi subjek ini diwajibkan kepada pelajar-pelajar yang berada di dalam bidang pengkhususan Quran dan Sunnah (QS), dan Quran dengan Multimedia (QM).

Rasional pengajian Tafsir Maudu'i ini diwajibkan kepada dua bidang pengkhususan tersebut adalah kerana kursus ini mempunyai hubungan yang begitu signifikan dengan program yang ditawarkan kerana fokus perbahasananya yang berkait rapat dengan pemahaman al-Quran melalui pendekatan tematik. Penawaran kursus ini juga mengambil kira keperluan dan kepentingan memahami metodologi penafsiran al-Quran dan peringkatnya sebagaimana yang telah diistilahkan oleh para *mufassirin*.

Sesi pengajian bagi subjek ini terdiri dari kuliah, tutorial dan peperiksaan. Di antara objektif utama kursus ini adalah seperti berikut:

- i. Menjelaskan pendekatan tafsir al-Quran secara tematik melalui definisi, perkembangan, bentuk-bentuk pentafsiran dan kepentingannya.
- ii. Membincangkan jenis-jenis tafsir al-Quran secara tematik dengan menekankan perbincangan tajuk dari sudut definisi, konteks al-Quran, perkaitan dengan isu-isu terkini, dan pengajaran yang diperolehi.
- iii. Menghuraikan pendekatan al-Quran secara tematik dalam menjawab salah faham terhadap Islam (Norullisza & et al, 2015).

Dengan pengajian yang mengambil masa satu semester ini, hasil pembelajaran yang diharapkan kepada setiap pelajar adalah seperti berikut:

- i. Meneroka penafsiran al-Quran secara tematik sebagai salah satu kaedah dalam memahami kandungan al-Quran.
- ii. Menghubungkait isi kandungan al-Quran dengan setiap perbincangan tajuk (*al-Jahl* menurut al-Quran, *al-Syura* di dalam al-Quran, dan keajaiban penciptaan Allah SWT di dalam surah al-Mulk secara pendekatan tematik).
- iii. Mematuhi konsep dan pendekatan tafsir al-Quran secara tematik dan membincangkan beberapa isu terpilih secara berkumpulan.

Selain dari itu, para pensyarah yang ditugaskan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran terdiri daripada para pensyarah pengkhususan di dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Tafsir. Para pensyarah bertanggungjawab menerangkan secara bertopik (silibus) semasa sesi kuliah secara formal dengan bantuan bahan bantu mengajar (BBM) dengan menggunakan bahan rujukan terpilih<sup>1</sup>. Manakala sesi tutorial dijalankan secara aktiviti berkumpulan mengikut kreativiti tenaga pengajar dan pelajar selama dua jam.

Para pelajar bagi subjek ini dinilai melalui peperiksaan, laporan bertulis, pembentangan dan penglibatan dalam bilik kuliah dan tutorial untuk mengetahui

<sup>1</sup> Di antara bahan rujukan yang digunakan: i) Norullisza K., Syed Mohammad Chaedar S., Abdulloh S. dan Zamrie I. 2015. *al-Hadi fi al-Tafsir al-Maudu'i*, Malaysia: Darul Syakir Enterprise. ii) Salah `Abd al-Fattah al-Khalidi. 1997. *al-Tafsir al-Mawdu'i bayna al-Nazari wa al-Tatbiqi*, Jordan: Dar al-Nafais. iii) Dr. Mustafa Muslim. 2000. *Mabahith fi Tafsir al-Mawdu'i*, Damascus: Dar al-Qalam dan beberapa buku rujukan yang lain.

kemampuan serta keupayaan pelajar dalam mengaplikasi konsep teoritikal dalam permasalahan berkaitan.

## PERBINCANGAN

### Lima Bentuk Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudu'i

Di antara isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh para pelajar QS dan QM dalam mempelajari subjek Tafsir Maudu'i ialah isu bahasa Arab yang menjadi medium penghantaran dalam pengajian subjek ini dan seterusnya membawa kepada kurang tumpuan terhadap sesi pengajian yang menyebabkan kurangnya kefahaman terhadap subjek tersebut. Menurut Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa (2006), penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat.


Atas dasar ini, inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i diperkenal dan digunakan sepanjang proses tersebut. Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting dalam dunia perubahan pesat masa kini. Ini kerana, tanpa pembaharuan ini akan menyebabkan tumpuan para pelajar akan berkurangan seterusnya membawa kepada masalah yang lebih besar seperti tidak memahami subjek dengan baik, dan akan menyebabkan kesukaran serta kegagalan para pelajar di dalam peperiksaan subjek tersebut.

Menurut Ibn Manzur (1994), inovasi atau tajdid di dalam bahasa Arab bermaksud menjadikannya baru atau bernafas baru. Manakala, menurut Kamus Dewan, inovasi membawa makna sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain yang baru (Kamus Dewan, 2002). Manakala, menurut *Collins Cobuild English Dictionary* mentakrifkan inovasi sebagai perkara baru atau kaedah baru untuk melakukan sesuatu atau pengenalan idea, kaedah atau perkara baru (*Collins Cobuild English Dictionary*, 1999). Inovasi memberikan perubahan asas yang komprehensif bukan hanya dari segi konsep, falsafah, kandungan, arah dan hasil tetapi ada orientasi progresif dan dinamik sesuai dengan zaman (Sidek Baba, 2011).

Inovasi dalam Islam tidak menolak tradisi tetapi sebagai elemen yang menguatkan dan memperkuatkan pembangunan manusia yang bermanfaat kepada sekitarnya (Sidek Baba, 2011). Ia juga harus dapat menghidupkan kehidupan baru dan rasa baru untuk menghasilkan modal insan holistik yang dapat memahami tradisi dan pada masa yang sama bersedia untuk memahami perubahan zaman ini. Menurut Prof. Dr. Majali dalam seminar *Tajdid in Quranic Studies* di Universiti Malaya menegaskan bahawa pengajian Islam secara amnya dan pengajian al-Quran secara khususnya perlu kepada inovasi yang berterusan. Bukan sahaja dalam bidang Fiqh, malah agama secara keseluruhannya perlu kepada pemikiran-pemikiran kritis para ulama untuk memperkenalkan inovasi

yang mampu memberi faedah yang beguna kepada kehidupan. Realiti kehidupan pada masa kini yang semakin berkembang pesar dari sudut yang pelbagai menggesa kepada inovasi yang mampu merealisasikan setiap hak dan mempertahankan setiap kebaikan serta menghindari kemungkaran.

Malahan, inovasi dalam metodologi perlu berlaku supaya perhubungan antara ahli akademik dan pelajar berada pada yang biasa. Pelajaran harus menawarkan pelbagai metodologi yang sesuai dengan tahap pengetahuan dan persepsi, tahap pendidikan dan umur untuk menjadikan tahap pembelajaran menjadi lebih menarik, berkesan dan menarik (Sidek Baba, 2011). Di antara inovasi yang diketengahkan bagi pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i di FPQS adalah; (a) lakonan, (b) wayang kulit atau animasi, (c) multimedia, (d) muzik atau lirik lagu, dan (e) *choral speaking*.



a) Lakonan

Lakonan merujuk kepada tindakan meniru watak dan tingkah laku seseorang yang berbeza daripada diri sendiri (Collins Cobuild English Dictionary, 1999).

Permainan peranan atau lakonan berasal dari psychodrama yang boleh digunakan untuk membantu pelajar memahami aspek-aspek kesusteraan, kajian sosial, bahkan beberapa aspek sains atau matematik yang lebih halus. Lebih-lebih lagi, ia dapat membantu mereka menjadi lebih berminat dan terlibat, bukan sahaja mempelajari bahan, tetapi juga belajar untuk mengintegrasikan pengetahuan dalam tindakan, menangani masalah, meneroka alternatif, dan mencari penyelesaian dan kreatif (Dana Craciun, 2010). Menurutnya juga, lakonan adalah cara terbaik untuk membangunkan kemahiran inisiatif, komunikasi, penyelesaian masalah, kesedaran diri, dan bekerja bersama dalam pasukan (Dana Craciun, 2010).

Di dalam kajiannya juga, beliau menyimpulkan bahawa lakonan dapat meningkatkan motivasi pembelajaran; ia secara aktif dan secara sengaja melibatkan pelajar dalam aktiviti, gaya pembelajaran dan tahap intelektual pelajar; ia meningkatkan penilaian peribadi untuk memahami maklumat yang diterima. Lakonan juga adalah sesuatu yang menarik,

menyeronokkan dan menyebabkan pelajar berinteraksi. Melalui kaedah ini, dapat membangunkan kemahiran dan kebolehan seperti tanggungjawab dan kepimpinan dalam pembelajaran, kerja kumpulan, keyakinan atau penyelesaian masalah kreatif yang sukar untuk dibangunkan dengan menggunakan teknik pengajaran tradisional (Dana Craciun, 2010).

Lakonan sebagai strategi pengajaran menawarkan beberapa kelebihan untuk kedua-dua guru dan pelajar. Pertama, minat pelajar terhadap topik dapat dinaikkan. Kajian telah menunjukkan bahawa mengintegrasikan aktiviti pembelajaran pengalaman dalam bilik darjah meningkatkan minat dalam subjek dan pemahaman kandungan kursus (Poorman, 2002). Kedua, terdapat peningkatan keterlibatan pihak pelajar dalam lakonan pelajaran. Pelajar bukan penerima pasif pengetahuan pengajar. Sebaliknya, mereka mengambil bahagian yang aktif (Poorman, 2002). Ketiga, ia mengajar empati dan memahami perspektif yang berbeza (Poorman, 2002). Tetapi mungkin lebih kerap, lakonan digunakan sebagai strategi di mana pelajar menggunakan pengetahuan latar belakang mereka selain memperoleh maklumat baru tentang watak untuk memainkan peranan dengan lebih baik (Lloyd, 1998).

Dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i, para pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil. Seterusnya, di dalam kelas tutorial, pelajar di minta untuk melakonkan semula mengikut jalan cerita dalam topik-topik perbincangan. Sebagai contoh dalam perbincangan kalimah *tajhalun*, dan *yajhalun*. Setiap kumpulan akan diberikan satu kalimah dan diminta untuk melakonkan semula mengikut kefahaman mereka terhadap cerita yang disampaikan dalam kalimah tersebut tanpa menggunakan teks. Dialog perlu dihafal dengan tujuan para pelajar dapat menghayati jalan cerita yang dipersembahkan.

Berikut adalah beberapa contoh gambar daripada lakonan yang dipersembahkan oleh para pelajar.





b) Wayang Kulit @ Animasi

Selain daripada lakonan, di antara bentuk pengajaran dan pembelajaran adalah dengan menggunakan wayang kulit atau animasi. Seperti mana dalam lakonan, begitu juga dengan wayang kulit dan animasi di mana setiap kumpulan akan diamanahkan dengan satu tajuk dan diminta untuk mempersempitkan topik tersebut dengan menggunakan medium ini. Ada kumpulan yang mencipta patung baharu, atau membuat patung dari watak-watak kartun dan ada juga kumpulan yang menggunakan bayang-bayang mereka sendiri untuk kegunaan wayang kulit. Manakala, ada juga yang menggunakan animasi dalam persembahan mereka.

Animasi adalah proses pembuatan filem di mana lukisan atau boneka kelihatan bergerak (Collins Cobuild English Dictionary, 1999). Juga ditakrifkan sebagai pergerakan (NTC's Americann English Learner's Dictionary, t.t). Manakala, wayang kulit atau *shadow puppet* adalah proses pergerakan boneka yang digunakan untuk membuat cerita (NTC's Americann English Learner's Dictionary, t.t). Wayang kulit pada dasarnya

adalah boneka yang leper dan rata yang dioperasikan pada skrin dengan cahaya di belakang atau di atas layar sehingga penonton dapat melihat bayangan wayang. Malahan, boneka yang aktif dan menarik dapat mengubah topik menjadi sesuatu yang menarik (Chetna, 1989).


c) Multimedia

Dalam pengkomputeran, multimedia merujuk kepada program dan produk yang melibatkan penggunaan bunyi, filem dan gambar serta teks biasa untuk menyampaikan maklumat. Sebagai contoh dalam pendidikan, multimedia adalah penggunaan televisyen dan media lain dalam pelajaran, berbanding hanya buku teks (Collins Cobuild English Dictionary, 1999).

Komputer multimedia pula memberikan pengguna dengan jenis imej-imej, grafik, video, animasi dan beberapa jenis audio, termasuk ucapan, muzik, dan kesan bunyi, yang mana bertujuan untuk meningkatkan komunikasi antara komputer dan pengguna dan di antara para pengguna (D. J. Moore, 1990).

Dalam konteks penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i di kalangan pelajar QS dan QM, penggunaan komputer bagi menyampaikan maklumat-maklumat yang berkaitan tajuk perbincangan akan dipersembahkan di dalam kelas tutorial. Sebagai contoh penggunaan komputer multimedia di dalam tajuk *al-Jahl* bagi kalimah *jahiliyyah* dan *ilmu munasabat*, di mana pelajar diminta menggunakan multimedia dalam menerangkan tajuk yang telah dibahagikan mengikut kumpulan. Pelajar kebanyakannya menggunakan program atau model sedia ada dengan memasukkan maklumat-maklumat di dalam program tersebut. Dari sini, pelajar bukan sahaja perlu memahami maklumat yang terkait dengan topik perbincangan, malahan sama mempraktikkan proses penciptaan multimedia itu sendiri yang melalui tiga peringkat iaitu; (i) tangkap, (ii) karang, dan (iii) persembahan (D. J. Moore, 1990).

Berikut adalah beberapa gambar penggunaan multimedia dengan menggunakan program '*PowToon*' dan *flash*. Dengan menggunakan program ini, pelajar harus tahu memilih dan memasukkan maklumat-maklumat penting bagi tajuk yang perlu dibentangkan di dalam tutorial.



d) Muzik & Lirik Lagu

Selain dari lakonan dan multimedia yang menarik minat pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah penggunaan muzik. Sebagai contoh bagi topik *alwan* Tafsir Maudu'i dan kalimah *al-jahil*, pelajar diminta menggunakan maklumat-maklumat penting di dalam topik tersebut untuk dijadikan lirik dan kemudian dijadikan sebuah nasyid atau lagu. Juga, sama ada menggunakan muzik sedia ada atau dari ciptaan mereka sendiri.

Muzik ialah bunyi suara atau instrumen yang membuat nada menyenangkan dalam satu siri atau siri kumpulan (NTC's Americann English Learner's Dictionary, t.t). Penggunaan muzik di dalam pengajaran bukanlah sesuatu yang baru dan muzik mempunyai kesan yang kuat terhadap bagaimana kita bertindak balas (Ronald A. Berk, 2008). Muzik di dalam video juga mampu menimbulkan tindak balas emosi yang menyukai atau tidak dan keseronokan (North & Hargreaves, 1997). Malahan, klip video boleh digunakan untuk berkomunikasi dengan pelajar pada tahap pemahaman yang lebih mendalam dengan menyentuh emosi mereka (Ronald A. Berk, 2008).

Dalam artikel yang ditulis oleh Ronald A. Berk (2008), beliau menyimpulkan bahawa muzik mempunyai nilai yang amat besar sebagai alat mengajar kerana memberi kesan positif kepada fungsi otak pelajar. Berdasarkan kajian Lozanov, beberapa kajian telah mengkaji kesan muzik latar belakang kepada penuisan (Hallam & Godwin, 2000), tingkah laku dan prestasi matematik (Hallam & Price, 1998), membaca (Brown, 1986), ingatan dan pemahaman bacaan (Furnham & Bradley, 1997; Mullikin & Henk, 1985), dan sebagainya.

Dapat difahami di sini, bahawa muzik mampu memberi kesan yang baik kepada pelajar malah merupakan salah satu proses komunikasi berkesan di antara tenaga pengajar dan pelajar kerana dapat menyentuh emosi dan pemikiran mereka.

Berikut adalah beberapa contoh gambar daripada muzik yang telah dirakam dan direkodkan untuk dipersembahkan di dalam kelas tutorial.





e) *Choral Speaking*

Choral adalah muzik yang dinyanyikan oleh paduan suara (Collins Cobuild English Dictionary, 1999). *Choral speaking* merupakan metodologi penting dalam proses belajar dan mengajar bahasa Inggeris. Ini kerana, di dalam persembahan *choral speaking*, siswa harus menirukan suasana dalam teks bagi menghasilkan pengucapan yang betul. Juga, *choral speaking* memerlukan kepada daya ingat yang sangat baik (Agustinus, 2007)

Begitu juga perihalnya di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i. Metod *choral speaking* digunakan bagi membantu pelajar menghafal dan menghayati apa yang telah dipelajari bagi sesuatu topik. Pelajar diminta untuk menghafal maklumat-maklumat penting seterusnya diminta untuk mempersembahkannya di luar kelas. Berikut adalah beberapa gambar persembahan choral speaking pelajar QS dan QM di beberapa kawasan di FPQS.





## PENUTUP

Sebagai kesimpulan, inovasi dalam metod pengajaran dan pembelajaran adalah suatu yang penting kerana berhadapan dengan pelajar yang pelbagai dari sudut minat, kepintaran dan kemahiran. Terdapat lima bentuk inovasi yang diperkenalkan dan dipraktikkan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i iaitu; (a) lakonan, (b) wayang kulit atau animasi, (c) multimedia, (d) muzik atau lirik lagu, dan (e) *choral speaking*. Dengan pendekatan baru yang diguna pakai sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran didapati bahawa pelajar menunjukkan minat dan juga peningkatan bukan sahaja di dalam penglibatan di dalam kelas malah di dalam keputusan peperiksaan, komunikasi dan penggunaan teknologi.

## RUJUKAN

- Brown, R. 1986. *Suggestive-Accelerative Learning And Teaching In Special Education*. Journal of the Society for Accelerative Learning and Teaching. Vol 11. No.1.
- Child Resource Centre. 1989. *Leraning and Teaching Through Puppets*. Ahmedabad: Chetna.
- Collins Cobuild English Dictionary. 1999. Harper Collins Publishers.

- D. J. Moore. (1990). *Multimedia Presentation Development Using the Audio Visual Connection*. IBM Systems Journal. Vol 29. No. 4.
- Dana Craciun. 2010. *Role-Playing As A Creative Method In Science Education*. Journal of Science and Arts. Vol 10. No.1.
- Furnham, A., & Bradley, A. 1997. *Music While You Work: The Differential Distraction Of Background Music On The Cognitive Test Performance Of Introverts And Extroverts*. Applied Cognitive Psychology. 11.
- Hallam, S., & Godwin, C. 2000. *The Effects Of Background Music On Primary School Pupils' Performance On A Writing Task*. Paper presented at the annual conference of the British Educational Research Association, University of Wales, Cardiff.
- Hallam, S., & Price, J. 1998. *Can The Use Of Background Music Improve The Behaviour And Academic Performance Of Children With Emotional And Behavioural Difficulties?* British Journal of Special Education. 25(2).
- Kamus Dewan. 2002. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lloyd, C. V. 1998. *Engaging Students At The Top (Without Leaving The Rest Behind)*. Journal of Adolescent & Adult Literacy. Vol 42. No.3.
- Mohammad Khazer Al-Majali. 2014. *Hajah al-Dirosat al-Quraniyyah ila al-Tajdid wa Dhawabituha*. Seminar Tajdid in Quranic Studies. Universiti Malaya.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. 2006. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad bin Mukram bin Ali Ibn Manzur. 1994. *Lisanul Arab*. Beirut: Dar Saadir.
- Mullikin, C. N., & Henk, W. A. 1985. *Using Music As Background For Reading: An Exploratory Study*. Journal of Reading. Vol 28. No.4.
- Musliha Salma Mohd Radzi, et al. 2011. *Menyelesaikan Masalah Pembangunan Akhlak Pelajar: Analisis Penerapan Kemahiran Generik Dalam Amalan Pendidikan*. Journal of Edupres. Vol 1.
- Norullisza Khosim, et al. 2015. *Al-Hadi fi al-Tafsir al-Maudu'i*. Malaysia: Darul Syakir Enterprise.
- Poorman, P. B. 2002. *Biography And Role-Playing :Fostering Empathy In Abnormal Psychology*. Teaching of Psychology. Vol 29. No.1.
- Robiatul Adawiyah, Norullisza Khosim & Abdulloh Salaeh. 2015. *Tajdid dalam Pengajian Tafsir: Pendekatan Naqli Aqli dalam Tafsiran Surah Al-Dhuha*.
- Ronald A. Berk. 2008. *Music and Music Technology in College Teaching: Classical to Hip Hop Across the Curriculum*. International Journal of Technology in Teaching and Learning. Vol 4. No. 1.
- <http://fpqs.usim.edu.my/index.php?lang=en>  
[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*